

83

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO HJ AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**  
**TARIKH : 23.11.2017**  
**SOALAN : NO. 39**

**Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa banyak universiti di negara ini yang telah mewujudkan tabung wakaf dan tabung 'endowment' seterusnya sejauh manakah tabung ini telah memberi manfaat kepada universiti.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap Universiti Awam (UA) mempunyai tabung endowmen dengan sumbangan yang diperolehi daripada individu dan syarikat. Sehingga September 2017, jumlah terkumpul endowmen bagi kesemua 20 buah UA berjumlah RM1.87 billion. Kutipan tertinggi dicatatkan oleh Universiti Malaya iaitu sebanyak RM1.6 Billion diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia sebanyak RM71 juta.

UA turut mempunyai tabung wakaf sebagai salah satu sumber pendanaan yang penting bagi kelestarian universiti. Sehingga kini, terdapat 15 buah UA yang telah menubuhkan pusat wakaf dan mendapat kelulusan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing untuk membuat kutipan

wakaf. Manakala 5 buah UA masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan MAIN.

Setakat ini jumlah kutipan daripada 15 UA tersebut adalah sebanyak RM26.18 juta. Kutipan tertinggi adalah RM9.1 juta dari Universiti Putra Malaysia diikuti Universiti Sains Islam Malaysia iaitu sebanyak RM5.4 juta.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama pelbagai agensi telah menghasikan satu garis panduan '*UniTP Purple Book – Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf*' untuk membimbing dan membantu UA menjana pendapatan sendiri termasuk garis panduan untuk kutipan tabung endowmen dan wakaf.